



*Suatu pemandangan dalam Majlis Mesyuarat Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor (KPIJ)<sup>1</sup>. Duduk di atas sekali ialah saudara Abdullah Haji Umar (Pengerusi) Majlis (dan Pegawai Penerangan), kanan: Saudara Ibrahim Haji Abdul Hamid (Pegawai Rencam), kiri: Saudara Nawawi Haji Arshad (Penolong Setiausaha Agung) dan yang berdiri: Saudara Muhammad Amin Haji Ridhwan (Setiausaha Badan Persuratan).*

## Dunia Pelajar:

### Perpaduan Pelajar-pelajar Islam Johor

Dengan tujuan hendak menyatupadukan pelajar-pelajar Islam di seluruh negeri Johor maka “Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor” (KPIJ) telah terbentuk dan sudah pun didaftarkan pada 28 Julai 1958.

Kesatuan ini yang telah diasaskan oleh pelajar-pelajar Islam Johor dari sekolah-sekolah agama kerajaan dan rakyat bertujuan:

1. Menyatukan suara pelajar-pelajar Islam Johor.
2. Meninggikan dan meluaskan darjah pengetahuan

ahli-ahlinya dalam segala lapangan.

3. Mengajak dan menggalakkan ahli-ahli supaya mengamalkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam.
4. Memelihara hak dan kepentingan serta kehormatan ahli-ahlinya.
5. Memberi sokongan kepada perkembangan terutama di dalam pelajaran, kebudayaan, agama dan lain-lainnya kepada masyarakat Islam.

<sup>1</sup> Dalam teks asal ditulis kaf-fa-alif-jim, maka sepatutnya ‘KPAJ’, tapi KPIJ digunakan sebagai akronim kepada Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor

6. Dan lain-lainnya.

### **Keterangan dan penjelasan**

Menurut keterangan, saudara Muhammad Saleh Hashim, Setiausaha Agung Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor, bahawa:

Di dalam menjayakan cita-cita yang pertama itu sekarang ini kita mempunyai sekurang-kurangnya 36 ribu bakal ahli kesatuan ini yang berselerak di seluruh negeri Johor

– Kesatuan ini tidak syak akan mempunyai daya upaya yang cukup kiranya suara yang sebanyak itu dapat disatukan dalam satu faham, cita-cita dan perjuangan.

Soal meninggikan taraf pelajaran penuntut-penuntut Islam Johor selalu benar tergendala oleh soal kewangan, kesulitan tentang ini biasa tak pernah selesai. Kesatuan ini telah membuat keputusan bahawa ini adalah soal yang diutamakan kepada ahli-ahlinya iaitu dengan mengadakan hadiah pelajaran tinggi ahli-ahli kesatuan.



*Sebahagian daripada pegawai-pegawai Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor (KPIJ), bergambar ramai kerana memberi selamat berpisah kepada saudara Abdul Manan Abdul Majid Naib Yang Dipertua KPIJ (duduk di tengah-tengah) yang akan melanjutkan pelajarannya di Mesir dengan perbelanjaan sendiri.*

*Duduk di kiri sekali: Saudara Muhammad Saleh Hashim Setiausaha Agung KPIJ, di kirinya saudara Ghaffar Badul Setiausaha KPIJ cawangan Mukim 8 Batu Pahat, dan di kanan sekali (duduk) saudara Harun Abdul Syukur Ketua Badan KPIJ cawangan Senggarang. Patut juga disebut saudara Abdul Manan yang diraikan dan saudara Muhammad Saleh ialah anggota Ikhwān.*

Dalam cara meninggikan ajaran-ajaran Islam kepada ahli-ahli dan seluruh umat Islam, kesatuan ini di samping menubuhkan badan mubaligh, akan mengadakan juga keluaran majalah, risalah-risalah dan buku-buku menurut tenaga kewangan kesatuan yang dapat dikadarkan, dalam pada itu tidak melupakan majalah suara rasminya mengikut saluran yang tertentu.

Dalam mengekalkan sumbangan kesatuan ini kepada segenap lapisan kebajikan ahli-ahli kesatuan ini akan sentiasa bergaul dengan masyarakat dengan selalu mengadakan perjumpaan kebajikan yang dianjurkan oleh kesatuan ini.

Pelajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris yang selalu menjadi matlamat pelajar-pelajar Islam Johor untuk meninggikan taraf pelajarannya ke tingkatan di atas umpama ke Kolej Islam Malaya dan lain-lain kolej tinggi adalah soal yang menjadi matlamat tujuan kesatuan ini, kesatuan ini akan mengadakan kelas-kelas tersebut dengan apa-apa cara sekalipun.

Pendeknya tidaklah dapat dengan lengkap hendak menghuraikan seluas-luasnya akan kandungan dan isi sebuah kesatuan yang bakal mempunyai ahli yang besar bilangannya itu. Soal yang utama kepada putera dan puteri (pelajar-pelajar Islam Johor) sekarang ini ialah sudi segera mendaftarkan dirinya menjadi ahli kesatuan ini, kiranya masih ragu-ragu dalam hal ini boleh bertanya lebih lanjut kepada wakil-wakil kesatuan yang hampir di tempat masing-masing. Segera berdaftar bererti segera melihat kejayaan kesatuan ini.

#### **Perhatian**

1. Kepada seluruh murid-murid tua yang ingin bergerak di dalam lapangan persuratan, kebudayaan, sukan dan

lain-lain masuklah ke dalam barisan KPIJ, kerana KPIJ juga akan meninggikan perkembangan ini.

2. Kami bagi pihak pegawai tertinggi KPIJ sedia akan hadir di mana-mana majlis, jika dikehendaki kami memberi penerangan mengenai KPIJ, berilah kerjasama kepada kami.

Segala kemusykilan boleh diminta keterangan dengan alamat Setiausaha Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor di alamat Sekolah Arab – Kluang Johor.

Sudah terbit! Penggal keempat

# ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb

Riwayat Hidup

Khalifah Islam yang Kabilangan

Empat penggal tamat.

Sepenggal \$1.20 *post* 10 sen.

Mintalah kepada penerbitnya:

356/8 Geylang Road, Singapura, 14.